

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW
KAWASAN : TANJONG
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN CHOW KON YEOW minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai projek-projek yang diluluskan Pusat sejak Mei 2018 sehingga kini di Pulau Pinang berserta kos serta tempoh pelaksanaannya. Adakah Kerajaan bercadangewartakan semula Jalan-jalan Persekutuan di Pulau Pinang kepada jalan negeri bagi membolehkan penyelenggaraannya dilaksanakan menerusi peruntukan MARRIS. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah bagi penyelenggaraan jalanraya (MARRIS) di seluruh negara merupakan pemberian penyenggaraan jalan negeri yang telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah penyelenggaraan jalan negeri ini diuruskan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri ini dilaksanakan oleh agensi pelaksana seperti pihak Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Daerah iaitu agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **jumlah pemberian penyelenggaraan jalan negeri** ini akan diperuntukkan kepada setiap negeri **berdasarkan jumlah panjang jalan yang berdaftar** di dalam Sistem MARRIS Online. **Sistem tersebut diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan** berdasarkan garis panduan serta tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. **Peruntukan penyelenggaraan jalan negeri ini akan disalurkan secara terus oleh Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri tanpa melalui Kementerian Kerja Raya.**

Berkaitan perkara mewartakan semula Jalan-Jalan Persekutuan kepada Jalan Negeri bagi membolehkan penyelenggaraan dilaksanakan menerusi peruntukan MARRIS, pihak Kerajaan negeri Pulau Pinang **perlu mengemukakan permohonan secara bertulis** kepada YB Menteri Kerja Raya bagi tujuan kelulusan. Kelulusan ini tertakluk kepada YB Menteri Kerja Raya untuk pembatalan pewartaan Jalan Persekutuan kepada Jalan Negeri mengikut prosedur untuk mewartakan semula Jalan Persekutuan kepada Jalan Negeri.

Sekian, terima kasih.